

KAEDAH-KAEDAH PEMBUKTIAN KES HIBAH DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA: RUJUKAN KES-KES DALAM JURNAL HUKUM

METHODOLOGY OF EVIDENCE IN HIBAH CASES IN MALAYSIA SYARIAH COURT: REVIEW OF CASES IN JURNAL HUKUM

ⁱ*Amir Husin Mohd Nor, ⁱWan Abdul Fattah Wan Ismail, ⁱLukman Abdul Mutalib ⁱAhmad Syukran Baharuddin ⁱHasnizam Hashim

ⁱFakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

*(Corresponding Author): amirhusin@usim.edu.my

ABSTRAK

Keterangan merupakan elemen penting dalam sesuatu perbicaraan. Keterangan yang mematuhi kaedah-kaedah yang ditentukan oleh syarak menentukan sama ada sesuatu dakwaan atau tuntutan itu berjaya ataupun gagal. Pihak-pihak yang bertikai tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengemukakan sebarang bentuk keterangan dalam membuktikan dakwaan atau tuntutan atau penafian. Islam telah menggariskan kaedah-kaedah pembuktian yang diterima dan diamalkan seperti *bayyinah*, *syahadah*, *Iqrar*, *qarinah*, keterangan dokumen, keterangan pakar, *qasamah*, sumpah dan *li'an*. Artikel ini akan mengkaji isu-isu yang berlaku yang berkaitan dengan kaedah pembuktian dalam kes hibah di mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia. Tumpuan diberikan dalam kes hibah kerana ianya merupakan salah satu kes yang banyak dilaporkan dalam Jurnal Hukum. Metodologi yang digunakan adalah kajian kepustakaan yang memfokuskan kepada kes-kes hibah yang dilaporkan dalam Jurnal Hukum. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pembuktian melalui kesaksian dan qarinah selalu digunakan dalam membuktikan fakta-fakta berkaitan kesahihan hibah yang telah dilakukan bertahun-tahun lamanya dan juga membuktikan wujudnya *qabd* (penerimaan) hibah tersebut. Selain, keterangan dokumen, ikrar dan sumpah juga digunakan dalam membuktikan fakta-fakta berkaitan dengan kes hibah.

Kata Kunci: Undang-undang Keterangan Islam, hibah, kaedah pembuktian, kesaksian, qarinah

ABSTRACT

Evidence is an important element in a trial. Evidence that complies with rules of law determines whether a claim is successful or fail. The disputing parties may not arbitrarily submit any form of evidence in proving the claim or denial any claim. Islam has outlined the rules regarding the evidence which can be accepted and practiced such as bayyinah, syahadah, Iqrar, qarinah, documentary evidence, expert testimony, qasamah, oath and li'an. This article examines issues that are happening in connection with

is given on the
The methodology used in this study is a library research focusing on cases reported in the Jurnal Hukum. The findings show that the testimonies and qarinah are always used in proving the facts related to the validity of the hibah that has been done for many years and also proving the existence of the acceptance or an act of taking possession (qabd). In addition, documentary evidence, ikrar and oath are also used in proving the facts relating to some hibah cases.

Keyword (s): Islamic law of evidence, hibah, method of proving, witness, qarinah.

Pendahuluan

Di Malaysia, hal-hal berkaitan hukum keterangan telah diperundangkan melalui Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri. Kaedah keterangan yang telah dinyatakan oleh Qur'an dan Sunnah yang telah dikanunkan misalnya, seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah, Wilayah Persekutuan 1986 yang menyatakan:

Bayyinah ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah bayyinah. Kitabah atau Dokumen telah ditafsirkan sebagai apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain, dengan menggunakan...

Di Wilayah Persekutuan misalnya, peruntukan *iqrar* dalam Akta Keterangan Wilayah Persekutuan 1986 dinyatakan dalam seksyen 17-19, Kesaksian diperuntukkan dalam seksyen 83-88, Qarinah diperuntukkan dalam seksyen 28-42. Pendapat Pakar diperuntukkan dalam seksyen 33-39, dan dokumen diperuntukkan dalam seksyen 48-56.

Konsep Hibah

Hibah dari sudut bahasa ialah suatu pemberian yang diberikan bukan kerana tanggungjawab tertentu dan pemberian ini memberi manfaat kepada penerima. Menurut istilah, al-Sharbini al-Khatib (1995) mendefinisikan hibah sebagai pemilikan sesuatu benda tanpa balasan semasa hidup dilakukan secara sukarela. Begitu juga dengan Mustafa al-Khin (1987) telah mendefinisikan hibah dengan suatu kontrak yang merujuk kepada pemindahan hak milik tanpa sebarang gantian ketika masih hidup dan dilakukan secara sukarela. Dengan kata lain, ia adalah pemberian milik tanpa balasan, sekiranya memberi milik kerana mengharapkan pahala akhirat maka dinamakan sedekah dan sekiranya dipindahkan kepada yang menerima hibah maka dinamakan hadiah (Al-Sharbini. 1995). Menurut Wahbah al-Zuhayli (1989) hukum hibah adalah sunat dan diutamakan terutama sekali kepada keluarga terdekat. Dalam kitab al-Fiqh al-Manhaji, dinyatakan bahawa rukun hibah ialah pemberi hibah, penerima hibah, harta yang dihibah dan lafaz ijab dan qabul (al-Khin,1987)

Di Malaysia, peruntukan berkaitan hibah telah dinyatakan dalam enakmen pentadbiran negeri-negeri, misalnya di Pahang, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Negeri Pahang) seksyen 47 memperuntukkan:

47. (1) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidangkuasa di seluruh Negeri Pahang dan hendaklah di ketuai oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.
- (2)(a) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah
- (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan;
- (v) wasiat atau pemberian semasa hampir maut (*maradhul maut*) seseorang si mati Islam;
- (vi) Pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang mencukupi dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam.

Manakala, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, perkara berkaitan hibah telah dinyatakan dalam Seksyen 46 (2) (b) (v) dan (vi), Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang memperuntukkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan-

- (v) wasiat atau alang semasa *marad-al-maut* seseorang si mati Islam;
- (vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seseorang Islam;

Walaupun tiada perkataan hibah yang digunakan dalam enakmen-enakmen di atas tetapi perkataan “alang” sama ada semasa *marad-al-maut* atau semasa hidup dan “penyelesaian yang dibuat tanpa balasan” adalah sebenarnya merujuk kepada konsep hibah atau pemberian. Penggunaan perkataan yang sama dapat dilihat di negeri-negeri lain seperti Selangor, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Pahang dan Perlis menggunakan perkataan “pemberian” dan Kelantan menggunakan perkataan “alang hayat”. Hanya di Negeri Sembilan yang menggunakan perkataan “hibah” dalam enaknya.

Kes-kes hibah di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia selalunya melibatkan pengesahan hibah, pertikaian takat atau kadar hibah dan penarikan balik hibah yang perlu dibuktikan berdasarkan keterangan-keterangan di Mahkamah sama ada keterangan bertulis atau keterangan saksi-saksi.

Kaedah Pembuktian Dalam Kes Hibah

Dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia, kes hibah dikategorikan sebagai kes mal atau sivil. Justeru, kaedah pembuktian yang boleh digunakan antaranya adalah melalui *bayyinah*, *syahadah* atau kesaksian, pengakuan atau *Iqrar*, *qarinah* atau keterangan hal keadaan, sumpah, keterangan dokumen dan keterangan pakar.

Bayyinah dan Syahadah

Bayyinah atau *al-dilalah*, *al-burhan* merupakan semua bentuk keterangan yang boleh membawa kepada kebenaran dan keadilan. Menurut Ibn Qayyim, (T.th) *bayyinah* adalah nama bagi segala sesuatu yang boleh menjelaskan dan menunjukkan kebenaran. Sesiapa yang hanya menghadkan *bayyinah* dengan maksud dua saksi, empat saksi atau seorang saksi lelaki tidak akan dapat mencapai maksud sebenar perkataan *bayyinah*. *Bayyinah* dalam al-Quran tidak bermaksud dua saksi sahaja. Ia bermaksud hujah, petunjuk atau asas kepada keadilan. Rasulullah saw bersabda: *bayyinah* ke atas penuntut dan sumpah ke atas yang kena menafikan.” Hadis ini bermaksud sesiapa yang membuat tuntutan mestilah membawa apa sahaja keterangan yang dapat menyokong tuntutananya dan keterangan dua orang saksi adalah salah satu daripada *bayyinah*. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat lain-lain keterangan keadaan yang berpihak kepada penuntut. Ia adalah lebih kuat daripada keterangan saksi. Perkataan *al-burhan*, *al-ayat*, *al-tabsirat*, *al-alamat* dan *al-amarat* adalah mempunyai maksud yang sama dengan al-bayyinah. Allah SWT tidak mengenyepikan unsur-unsur *al-qara'in*, *al-amarat* dan *dala'il al-ahwal*. Tambahan pula, jika diteliti kepada asas syariat Islam kita akan dapati bahawa ia mengiktiraf kesemua unsur tadi sebagai asas kepada penghakiman (Ibn al-Qayyim. t.t.)¹

Pengertian dan konsep yang sama iaitu *bayyinah* yang membawa makna yang umum merangkumi semua bentuk pembuktian dan bukan bermaksud *syahadah* sahaja telah diterima pakai oleh Mahkamah Syariah di Malaysia. Misalnya, seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 yang mendefinisikan *bayyinah* sebagai keterangan yang merangkumi *bayyinah* dan *syahadah*, keterangan lisan dan juga keterangan dokumen. Ini diperkuatkan lagi dengan kes *Shaheila Bt Hj Abdul Majid lwn Roslan b. Abdul Aziz* (Kes Mal Bil.1065/98, Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur).

¹ Terjemahan diambil dari Ruzman Mohd Nor 2007. Pembuktian di Mahkamah Syariah dalam Ahmad Hidayat Buang, *Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm.179.

i. *Syahadah*

Syahadah dari segi bahasa bermaksud hadir dan pemberitahuan yang pasti. Dari segi istilah pula, *syahadah* ialah pemberitahuan yang benar untuk mensabitkan sesuatu hak dengan lafaz *syahadah* di majlis penghakiman. (al-Zuhayli. 1989) Ia merupakan kaedah pembuktian yang penting selepas *Iqrar*. Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 1986 mendefinisikan *syahadah*:

“Syahadah ertinya apa-apa keterangan diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafaz “asyhhadu” untuk membuktikan sesuatu hak atau kepentingan.”

Dalam kes hibah yang dilaporkan dalam Jurnal Hukum, terdapat beberapa isu yang ditimbulkan antaranya ialah kes *Che Alias bin Che Muda lwn Abdul Talib@Musa bin Muda* (Jurnal Hukum. Jil.25.Bhg.1. 2008), mahkamah mendapati keterangan Responden adalah bercanggah ketika memberi kenyataan utama dan ketika disoal balas. Begitu juga keterangan saksi-saksi dalam kes ini tidak menyokong dakwaan Responden. Di samping itu, saksi yang dikemukakan juga adalah saksi yang berkepentingan kepada kes tersebut. Ini membuatkan Hakim terpaksa menolak tuntutan Responden. Dalam kes ini tohmahan yang wujud adalah hubungan baik antara Responden dan saksi-saksi iaitu mereka adalah adik beradik kepada Responden. Di samping, saksi juga dijanjikan dengan habuan kerana keterangan yang diberikan. Ini dinyatakan sendiri oleh Responden bahawa “sekiranya tuntutan ini dibenarkan, saya akan hibahkan kepada adik saya Dasimah binti Muda [saksi 2]. Dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah sendiri misalnya di Terengganu dalam seksyen 83(6) memperuntukkan:

“Seseorang yang kebolehnya dipercayanya diragui kerana hubungan baiknya dan mempunyai kepentingan dalam pihak menentang adalah kompeten untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak kompeten untuk memberikan *syahadah*.”

Bermaksud keterangan berbentuk *bayyinah* memberi ruang kepada hakim untuk menerima keterangan saksi dan juga menolak keterangan saksi tersebut. Maka dalam kes ini hakim mengambil pendirian menolak keterangan saksi-saksi tersebut. Saksi berkepentingan juga dibangkitkan dalam kes *Sharain bin Nordin lwn Noraidah binti Nordin*. (Jurnal Hukum. 2008. Jld 26, Bhg 1) Saksi-saksi yang dikemukakan adalah adik-beradik kepada responden dan berkepentingan. Selain, mahkamah juga mendapati bahawa keterangan saksi-saksi tidak kukuh dan tidak menyokong dakwaan responden bahawa penghibah (emak penuntut) telah memberi aset yang dinyatakan kepada responden sahaja. Malah, mahkamah menyatakan bahawa lafaz *ijab* dan *qabul* yang menjadi salah satu rukun hibah juga gagal dibuktikan oleh responden dan seolah-olah tidak wujud dan gagal melepasi beban pembuktian bagi kes ini.

Kes *Ibrahim bin Salleh lwn Zainuddin bin Idris dan 5 yang lain* (Jurnal Hukum. 2008. Jld 25, Bhg 1) pula adalah isu berkaitan dengan *syahadah* ‘*ala al-nafy*’ iaitu penyaksian atas penafian dan ianya tidak diterima oleh mahkamah. Hakim telah memetik pandangan Dr Abdul Karim Zaidan, seorang ulama terjenal dalam undang-undang keterangan Islam yang menyatakan “kesaksian itu sebagai memberitahu apa yang disaksi hasil dari pengetahuan apa yang disaksikan, dan tidak boleh berlaku dengan penafian, sebab itu pada asalnya penyaksian di atas penafian tidak diterima.”²

Dalam kes *Zanani binti Mohd Noor lwn Rolbijah binti Ahmad* (Jurnal Hukum. 2008. Jld 26, Bhg 2) iaitu kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Kadhi Khas Tanah Merah yang tidak mensabitkan hibah Tanah Lot PT 3374 dan PT 1805. Hakim bicara menolak keterangan 2 saksi yang dikemukakan kerana keterangan yang dikemukakan disifatkan oleh Hakim Bicara sebagai sesuatu yang tidak meyakinkan. Dalam perbicaraan, Saksi 1 dan 2 iaitu Abdullah bin Ismail dan Mat bin Wook menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui bahawa hibah telah berlaku dan apa yang mereka tahu adalah tanah-tanah yang dituntut adalah kepunyaan bapa Plaintiff. Justeru ia tidak memadai bagi mahkamah menerima tuntutan Plaintiff. Walau bagaimanapun, rayuan Plaintiff telah diterima oleh Mahkamah Rayuan berdasarkan keterangan dokumen iaitu surat pemegang amanah yang dikemukakan

² Lihat *Jurnal Hukum*. 2008. Jld 25, Bhg 1. Putrajaya:JKSM. Hal.119.

Perayu yang membuktikan bahawa Zanani binti Mohd Noor atau perayu adalah pemilik kepada tanah-tanah tersebut.

Berbeza dengan kes *Ibrahim Yusof Lwn Eshah Haji Ishak Dan 4 Yang Lain* (Jurnal Hukum. 2006. Jld 21, Bhg 2). Mahkamah mensabitkan tuntutan perayu melalui keterangan 2 orang saksi yang mendengar sendiri perkataan Ishak yang menghibahkan hartanya kepada responden dan juga *qarinah* yang menunjukkan adanya penarikan balik hibah. Begitu juga dengan kes *Abu Talib @Musa Bin Muda Lwn Che Alias Bin Che Muda.*(Jurnal Hukum. 2006. Jld 22, Bhg 2) Plaintiff menuntut hibah ke atas sebidang tanah di GM58 Lot 1662 Mukim Batu Buruk Kuala Terengganu dan sebuah rumah di Kg Pengadang Akar, Kuala Terengganu. Dalam kes ini mahkamah telah mengesahkan tuntutan hibah tersebut berdasarkan keterangan saksi-saksi dan keterangan dokumen iaitu Surat Perjanjian Kasih Sayang. Walaupun 4 daripada saksi-saksi yang dikemukakan oleh Perayu dikategorikan sebagai saksi berkepentingan kecuali saksi ke 5. Saksi Plaintiff Kelima mengesahkan bahawa beliau mendengar dan berbual dengan si mati yang mana si mati ada memberitahu kepada beliau yang tanah tersebut “adalah hak plaintiff”. Malah Mahkamah memberikan nilai yang tinggi kepada keterangan saksi kelima plaintiff iaitu seorang tukang rumah yang membaiki rumah penghibah dan mendengar sendiri hibah si mati kepada plaintiff. Oleh itu, beliau adalah saksi bebas yang tiada kepentingan kepada harta tersebut dan bukan seorang yang cakapnya berdolak-dalih menurut pemerhatian mahkamah.

Kes *Eshah Binti Abdullah Dan Lima Yang Lain lwn Che Aminah Bt Abdul Razak Dan Dua Yang Lain* (Jurnal Hukum. 2004. Jld 18, Bhg 1) sedikit berbeza. Saksi-saksi yang dikemukakan defendan sekalipun dua daripadanya adalah saksi yang mempunyai hubungan kekeluargaan sedang dua lagi saksi bebas. Saksi 1 adalah adik ipar kepada defendan 1, saksi 2 adalah anak saudara dan menjadi anak angkat kepada defendan 1. Manakala saksi 3 pula adalah penyewa kepada rumah-rumah pemberi hibah dan saksi 4 pula adalah kenalan kepada pemberi hibah dan defendan 1 atau penerima hibah iaitu Che Aminah isteri kepada pemberi hibah. Kesemua saksi-saksi mengesahkan yang mereka mendengar sendiri pemberi hibah memberikan 3 harta kepada tiga orang penerima hibah iaitu Che Aminah, Zaini binti Mohamad dan Noraini Hayati binti Mohamad Yusof. Menurut Mahkamah “keterangan mereka ada kelemahannya iaitu mereka adalah individu yang menjadi penerima hibah yang dipertikai kecuali saksi defendan 3 yang bernama Akasah bin Adam,.....dan saksi Defendan 4 yang bernama Latifah binti Dol , K/P:380808-05-5010, 0475906)

Menurut mahkamah lagi “Dengan adanya saksi Defendan 3 dan 4 yang terdiri daripada kenalan dan bukannya penerima hibah membuatkan tuntutan Defendan 1 wajar dipertimbangkan mengikut lunas keterangan.”

Jelas dari kes-kes di atas bahawa kebanyakan kes adalah berkaitan dengan pengesahan hibah yang mana hibah yang dibuat sudah berlaku bertahun-tahun lamanya. Mahkamah banyak bergantung kepada kenyataan penuntut dan juga saksi-saksi yang dikemukakan. Kebanyakan saksi-saksi yang dikemukakan pula adalah mereka yang ada kepentingan. Inilah ‘nature’ atau situasi di mana hibah itu biasanya dilafazkan atau dilakukan yang ianya tidak dirancang secara teliti oleh pemberi hibah. Di samping, kejahilan serta kurang kesedaran tentang keperluan undang-undang untuk menjadikan hibah yang sah di sisi syarak dan undang-undang.

Iqrar

Iqrar dari segi bahasa adalah pemberitahuan akan sesuatu hak yang thabit kepada pemberitahu (al-Sharbini. 1995) Menurut Ibn Arafah *Iqrar* juga adalah kata-kata yang mewajibkan hak kepada penuturnya. Menurut Mazhab Hanafi *Iqrar* adalah pemberitahuan tentang sabitnya hak seseorang ke atas dirinya (penutur)(Idris. 2010). Menurut Mazhab Hanbali *Iqrar* bermaksud iktiraf iaitu pengakuan atau pengakuan salah.(Sikandar.2003) Peruntukan berkaitan *Iqrar* dinyatakan dalam seksyen 17, 18 dan 19 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Seksyen 17 menyatakan;

- (1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- (2) Sesuatu *Iqrar* hendaklah dibuat –
 - a. Di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau

- b. Di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang ‘aql, baligh dan ‘adil.
- (3) Sesuatu *Iqrar* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah qarinah.

Seksyen 18 (1) menyatakan *Iqrar* yang ditolak, iaitu;

- (a) Seorang yang tidak aqil baligh
- (b) Orang belum dewasa
- (c) Gila atau terencat akal (*ma'tuh*)
- (d) *Iqrar* wali bagi pihak mutawalli.
- (e) Paksaan
- (f) *Mahjur 'alaih*.

Seksyen 18 (2) pula ialah *Iqrar* seorang yang *mumayyiz* yang dibenar oleh walinya menjalankan urusan perniagaan, maka *Iqrar*nya diterima dalam urusan perniagaan yang dibenarkan. Seksyen 19 membenarkan penerimaan *Iqrar* yang dibuat dalam keadaan *mard al-maut*. Dalam kes *Raihanah binti Mohd Ali lwn Kamarudin bint Mohd Nor dan 3 yang Lain* (Jurnal Hukum. 2008. Jld 26, Bhg 1). Hakim telah menerima keterangan yang dibuat plaintif secara *Iqrar* bahawa si mati iaitu Samirah binti Mohd Ali pada tahun 1999 telah menghibah harta yang dipertikaikan iaitu sebidang tanah, rumah dan Takaful Mesra kepada beliau iaitu Raihanah binti Mohd Ali. Menurut Hakim Bicara:

“*Iqrar* yang dibuat oleh Plaintif ini, pada pendapat saya hendaklah diterima, kerana tiada alasan yang membolehkan *Iqrar* itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut Hukum Syara’ telahpun ditagninkan di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagai mana diperuntukkan di dalam sek.18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.”

Walau bagaimanapun pengakuan tersebut tidak memadai bagi mahkamah untuk mengesahkan hibah yang dilakukan oleh pemberi hibah. Ini kerana di akhir perbicaraan Hakim menyatakan bahawa rayuan oleh Raihanah binti Mohd Ali telah ditolak kerana kegagalan plaintif membuktikan kesemua rukun hibah iaitu *al-wahib*, *al-mauhub lahu*, *al-mawhub* dan *sighah* serta *al-qabd*.

Qarinah

Qarinah bermaksud setiap tanda yang jelas yang menunjukkan kepada sesuatu yang tersembunyi. Menurut Abdul Karim Zaydan, qarinah ialah suatu perkara yang menjadi dalil ada sesuatu atau tidak adanya sama ada dalam bentuk keadaan, suasana, perkataan atau perbuatan (Siti Zalikhah Md Nor et al. 2006.). Qarinah merupakan peruntukan yang paling banyak dalam enakmen atau Akta Keterangan Mahkamah Syariah berbanding kaedah-kaedah yang lain. Bagi sebahagian negeri, ia diperuntukkan daripada seksyen 5 hingga seksyen 42. Sebahagian negeri meletakkannya daripada seksyen 5 sehingga seksyen 16 sahaja (Zaini Nasohah et al.2010.).

Penggunaan Qarinah dalam kes hibah agak menarik untuk dibincangkan. Ia banyak digunakan bagi membuktikan wujudnya *qabd* (kepemilikan) barangan hibah tersebut. Dalam kes Ibrahim Yusof Lwn Eshah Haji Ishak Dan 4 Yang Lain, (Jurnal Hukum. 2006. Jld 21, Bhg 2). mahkamah mensabitkan hibah lot tanah yang berlaku antara Allahyarham Ishak bin Awang Teh kepada Allahyarhamah Zainab bt Ishak (ibu perayu iaitu Ibrahim Yusof) dan Eshah bt Ishak separuh setiap seorang. Ia disokong oleh Qarinah kepemilikan iaitu:

1. Apabila Eshah menerima pampasan daripada Kerajaan atas pengambilan tanah tersebut utk tujuan pembinaan longkang, separuh daripada pampasan tersebut iaitu 5 ribu telah diberi kepada Zainab.
2. Eshah tidak pernah mempersoal keberadaan perayu atas tanah tersebut (rumah Zainab yang kemudian didiami perayu) sehinggalah timbul perebutan harta.
3. Isu Tarik balik hibah tidak pernah berlaku dan responden gagal bukti wujudnya tindakan/keadaan tersebut. Mahkamah Rayuan Syariah mempersoal kenapa Hakim Bicara menerima keterangan responden tanpa mendengar akan pembuktiaannya. Justeru ia menjadi sebab kenapa keputusannya ditolak.

Selain, dakwaan Eshah bahawa penukaran nama dalam geran kepada nama beliau sahaja adalah atas sebab atau sebagai balasan suaminya menjelaskan hutang ceti haram yang ditanggung oleh Ishak tidak disokong oleh mana-mana bukti atau keterangan sama ada saksi atau apa-apa dokumen.

Dalam kes *Eshah Shah Binti Abdullah Dan Lima Yg Lain Lwn Che Aminah Bt Abdul Razak Dan Dua Yang Lain*.(Jurnal Hukum. 2004. Jld 18, Bhg 1). Perayu mendakwa bahawa hibah yang dilakukan tidak mengikut hukum syarak kerana tiada penerimaan (*qabul*) daripada penerima-penerima selepas si mati menyebut “rumah nak beri ke Mu sebuah, beri kepada Zaini sebuah dan beri kepada Norhayati sebuah. Mahkamah Tinggi Syariah, walau bagaimanapun mensabitkan pemberian hibah tersebut. Mahkamah menjelaskan tentang perbezaan pandangan pandangan fuqaha’ berkaitan *qabul* iaitu Imam Ahmad, Malik, dan Abu Thaur berpandangan penerimaan (*qabul*) tidak jadi syarat kepada sahnya sesuatu hibah. Manakala Imam Shafie, al-Thawri dan Majalalah Ahkam Johor menjadikan penerimaan (*qabul*) sebagai syarat sah hibah.

Mahkamah berpendapat berasaskan *qarinah-qarinah* yang ada, jelas bahawa hibah yang dibuat si mati walaupun tidak diikuti *qabul* secara terang oleh penerima tetapi tetap dikira sah. Antara *qarinah-qarinah* yang disimpulkan oleh mahkamah ialah:

- i. tiada penarikan balik dibuat pemberi hibah selepas hibah dibuat.
- ii. si mati menyuruh sebahagian penerima hibah memungut sewa bangunan dan mem bahagikan kepada penerima-penerima hibah.
- iii. Ketiga-tiga penerima hibah mengaku menerima hasil sewaan bangunan sejak si mati hidup lagi. Malah Noraini Hayati seorang penerima hibah telah mengutip sewa rumah berkenaan sejak umur 17 tahun lagi. Dan kutipan itu diserahkan kepada si mati dan simati kemudiannya menyerahkan kepada beliau, defendan 1 dan kepada Zaini. Hal ini boleh dianggap *qarinah* kepada penerimaan dari penerima.

Dalam kes *Pengesahan Hibah Ismail Siak Kepada Wan Ismariza Binti Wan Ismail*,(Jurnal Hukum. 2004. Jld 18, Bhg 1.) Mahkamah telah diberitahu bahawa rukun sighthah iaitu ijab dan qabul aqad hibah telah sempurna dilakukan berdasarkan keterangan saksi-saksi iaitu mereka mendengar arwah memberikan tanah itu kepada penuntut dan pemohon bersetuju menerimanya. Tetapi isu utama yang dibangkitkan ialah penerimaan (*al-qabd*) barang hibah yg merupakan *syarat luzum* kepada aqad hibah, ertinya aqad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa hanya dengan ijab dan qabul kecuali selepas penerimaan barang (*al-qabd*). Mahkamah mendapati *al-qabd* telah berlaku berasaskan kepada *qarinah* iaitu cukai tanah itu dibayar oleh penuntut dan ia diakui sendiri oleh saksi ke 2, Wan Sharizawati. Mahkamah berpendapat bagi harta tak alih *al-qabd* boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta itu, menguasainya dan melakukan *tasarruf* terhadap harta tersebut seperti menyerahkan kunci dan seumpamanya.

Begitu juga dalam kes *Wan Mahmud Wan Abdul Rahman Dan 3 Yang Lain lwn Aminah Hj Taib Dan 2 Yang Lain* (Jurnal Hukum. 2004. Jld 18, Bhg 2.) di mana mahkamah mengakui bahawa perbuatan menduduki atau mendiami di atas tanah yang menjadi pertikaian dalam kes hibah ini selepas kematian suaminya tanpa bantahan daripada Plaintiff sehinggalah kes ini di bawa ke mahkamah dianggap sebagai *qarinah al-qabd*.

Walau bagaimanapun dalam kes *Che Alias bin Che Muda lwn Abdul Talib@Musa bin Muda*, (Jurnal Hukum. 2008. Jld 25, Bhg 2.) hakim menyatakan bahawa perbuatan responden yang membaiki dan tinggal di rumah yang menjadi barang hibah bukan *qarinah* untuk menunjukkan *al-qabd* telah berlaku.

Sumpah

Al-Yamin menurut Syaribini al-Khatib ialah suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah digunakan untuk menyatakan kesungguhan (*tahqiq*) terhadap sesuatu perkara yang tidak akan sabit tanpa bersumpah. Menurut al-Bajuri al-yamin beerti menyatakan dengan penuh kesungguhan berhubung dengan perkara yang mungkin berlaku atau mungkin berlaku sebaliknya atau mengukuhkannya dengan

menyebut nama Allah atau salah satu sifat-sifat zatNya.(Mahmud Saedon Awang Othman. 1990) Contoh peruntukan berkaitan sumpah ada diyatakan dalam seksyen 72 AKMSWP:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-mudda'a 'alayh*).

Seksyen 87 pula menyatakan tentang *al-yamin al-asliyyah*, *al-yamin al-wajibah* atau *al-yamin al-rafi'ah*:

87(1) Dalam kes mal, keterangan hendaklah diberikan oleh plaintif dan defendan, dan jika defendan menafikan tuntutan terhadapnya dia hendaklah dikehendaki mengangkat sumpah mengikut hukum syarak

87(2)(a) Jika defendan mengangkat sumpah di bawah subseksyen (1), tuntutan yang dibuat oleh plaintif hendaklah ditolak.

Penggunaan sumpah sebagai kaedah pembuktian dalam kes hibah agak kurang berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain. Dalam kes *Ibrahim bin Salleh lwn Zainuddin bin Idris dan 5 yang lain*, (Jurnal Hukum. 2008. Jld 25, Bhg 1.) Perayu mengemukakan rayuan kerana tidak berpuashati di atas keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang memerintahkannya supaya bersumpah menjunjung al-Quran bagi menafikan yang dia mengetahui pemberian hibah daripada bapanya Haji Salleh Merah kepada Responden. Perayu enggan untuk bersumpah dalam perbicaraan asal. Ini kerana dakwaan plaintif (responden) tidak cukup keterangan dan defendan (perayu) tidak mengaku dan menentang serta menafikan yang dia tahu berlakunya hibah maka dihukum ke atas perayu supaya bersumpah *nafyu ilmi* yang dia tidak tahu bapanya Hj Salleh bin Merah telah melakukan hibah kepada responden (plaintif) dengan berkata Walllahi demi Allah aku tidak tahu bahawa bapa aku memberi hibah kepada Plaintiff (Responden).

Justeru, Mahkamah Rayuan Syariah sebulat suara memutuskan rayuan Perayu di tolak dengan sedikit pindaan iaitu jika Perayu enggan bersumpah, dikembalikan sumpah (*yamin mardudah*) kepada Responden-responden dan apabila mereka bersumpah tuntutan hibah adalah sabit.

Dalam kes *Wan Mahmud Wan Abdul Rahman Dan 3 Yang Lain lwn Aminah Hj Taib Dan 2 Yg Lain*,(Jurnal Hukum. 2008. Jld 18, Bhg 2) Responden (Wan Aminah) membawa 2 orang saksi lelaki dan seorang perempuan yang masing-masing memberi keterangan dengan sumpah yang menyokong dakwaan Responden iaitu berlaku hibah. Mahkamah berpuas hati dengan keterangan yang dibawa termasuk sumpah yang dilakukan oleh dua saksi dan memutuskan bahawa telah berlaku hibah dalam kes tersebut. Agak menarik dalam kes ini apabila pihak-pihak kena tuntutan seramai 4 orang telah menolak tuntutan Penuntut tetapi enggan untuk bersumpah apabila diminta oleh mahkamah. Daripada 4 orang hanya seorang yang benar-benar ingkar dakwaan penuntut manakala 3 orang lagi iaitu kesemuanya anak saudara Penuntut tidak begitu tegas keingkaran mereka seolah-olah ada paksaan di situ. Justeru mahkamah memutuskan bahawa tuntutan Penuntut adalah sah dan diterima.

Keterangan Dokumen

Dalam perundangan Islam, dokumen dinamakan juga sebagai *wathiqah* atau *kitabah* iaitu dokumen, kertas, rekod, bon dan sebagainya. Menurut Abdul Haseeb, *wathiqah* (document) bemaksud :” a writing on pieces whereby debt, right, propey or contractual obligations are recorded or created by people involved with the intent of creating evidential medium, so that the matter it recorded might be proven in any subsequent dispute.” (Arbouna.1999) Menurut Mahmud Saedon(1990), catatan (*kitabah*) adalah tulisan atau catatan yang dibuat oleh seseorang sama ada pemerintah, hakim atau rakyat biasa sama ada di atas kertas rasmi yang bermeterai ataupun tidak. Namun, takrifan yang lebih komprehensif adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, seksyen 3(1) mentakrifkan dokumen dengan makna yang sangat luas yang tidak terbatas kepada cetakan kertas semata-mata. Ia merangkumi kertas, cakera, pita, filem, runut bunyi atau jua peranti yang boleh menunjuk, menyata atau memperihal atau menggambarkan sesuatu. Maka ia dikategorikan sebagai dokumen.

Perbicaraan kes hibah juga melibatkan pengemukakan bukti-bukti berbentuk dokumen. Dalam kes *Zanani binti Mohd Noor lwn Rolbijah binti Ahmad*, (Jurnal Hukum. 2008. Jld 26, Bhg 2) Perayu berjaya mengemukakan bukti bertulis iaitu surat pemegang amanah yang dibuat dihadapan Hj Che Mat yang diperakui sah oleh Tuan Mat bin Tuan Soh iaitu Penolong Ketua Jajahan Jeli, Pejabat Tanah Jeli, Kelantan. Bukti bertulis ini boleh diterima dalam sesuatu prosiding kes dan disokong oleh seks.62 & 63 EKMS Kelantan 2002. Walaupun semasa perbicaraan Perayu tidak dapat mengemukakan surat pemegang amanah tersebut disebabkan oleh urusan perpindahan Pejabat tanah, Tanah Merah, Kelantan. Tetapi selepas lebih kurang 3 bulan kes diputuskan, Perayu telah berjaya mendapatkan kembali surat tersebut. Selain itu, Responden kedua juga bersetuju dengan tuntutan perayu semasa perbicaraan di Mahkamah Rendah Syariah. Surat tersebut sebagai bukti bahawa Zanani Mohd Noor adalah pemilik kepada tanah-tanah tersebut. Justeru mahkamah memutuskan bahawa rayuan Perayu diterima.

Isu utama dalam kes *Marina Binti Mohd Arif Lwn Mai Bt Jantan* (Jurnal Hukum. 2006. Jld 21, Bhg 2.) ialah sama ada telah berlaku hibah (pindah milik) terhadap hartanah-hartanah yang menjadi pertikaian dalam kes ini. Dalam kes ini Mahkamah telah dibekalkan dengan suatu salinan dokumen Borang 14A yg telah dipenuhi oleh pihak pemberi dan penerima hibah yang dibuat di hadapan seorang penjawat awam, Pegawai Penolong Pentadbir Tanah, Port Dickson. Perkataan-perkataan yang tertera di dalam borang 14A secara jelas menyebut tentang pindah milik dan ditandatangani/dicap jari oleh pihak-pihak berkenaan. Mahkamah bersetuju menerima perkataan-perkataan yang tertulis itu sebagai sighthah antara kedua pihak. Ini bersesuaian dengan satu kaedah fiqhiyyah: *Al-Kitabah Kal Khitab* bermaksud tulisan itu seumpama ucapan.

Dalam kes *Mai Binti Jantan lwn Marina Binti Mohd Arif Dan Seorang Yang Lain* (Jurnal Hukum. 2006. Jld 21, Bhg 2.) Perayu berhujjah bahawa borang pindahmilik (borang 14a) tidak boleh dianggap sebagai sighthah hibah dan menganggap bahawa borang tersebut adalah tidak sempurna, tidak jelas dan mengalami kecacatan. Mahkamah Rayuan Syariah dalam keputusannya telah menolak dakwaan perayu dan mengesahkan bahawa Borang 14A iaitu borang pindah milik tanah boleh diterima sebagai sighthah kepada aqad hibah kerana terdapat tandatangan pemberi dan penerima hartanah yang dinyatakan yang menunjukkan persetujuan kedua belah pihak tentang pertukaran hakmilik tanah tersebut.

Dalam kes *Abu Talib @ Musa Bin Muda Lwn Ahe Alias Bin Che Muda*, (Jurnal Hukum. 2006. Jld 22, Bhg 2) plaintif telah membuat tuntutan hibah ke atas sebidang tanah di GM58 Lot 1662 Mukim Batu Buruk Kuala Terengganu dan sebuah rumah di Kg Pengadang Akar Kuala Terengganu. Mahkamah dalam kes inia telah menerima keterangan dokumen yang dikemukakan oleh plaintif iaitu Surat Perjanjian Kasih Sayang yang ditandatangani oleh Pemberi Hibah iaitu Wok binti Yusof dengan disaksi oleh Ramlah bt Muda dan Dasimah bt Muda. Saksi-saksi juga berkata bahawa pemberi hibah faham dan surat itu telah dibaca di hadapan mereka bertiga. Selepas difahami barulah dokumen tersebut di cap jari oleh mereka bertiga, malah pemberi hibah masih sihat dan tiada paksaan wujud ketika itu. Justeru mahkamah mengesahkan tuntutan hibah oleh pihak plaintif.

Kesimpulan

Kes-kes hibah di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia selalunya melibatkan pengesahan hibah, pertikaian takat atau kadar hibah dan penarikan balik hibah yang mana perlu dibuktikan berdasarkan keterangan-keterangan di Mahkamah sama ada keterangan bertulis atau keterangan saksi-saksi. Mengenai beban pembuktian bagi sesuatu kes Mal, terdapat peruntukan yang sama bagi setiap negeri melalui Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri masing-masing iaitu beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-Mudda'i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Mudda'a 'alaih*).

Tidak dapat dinafikan bahawa *Iqrar* dan *syahadah* merupakan dua kaedah pembuktian yang utama menurut Undang-undang Keterangan Islam. Walau bagaimanapun dalam kes-kes hibah yang berlaku di Malaysia yang banyak melibatkan pengesahan hibah yang berlaku terlalu lama maka kita melihat kaedah yang banyak digunakan adalah keterangan saksi. Malangnya, saksi yang dikemukakan adalah dalam kalangan keluarga penuntut. Justeru ia menimbulkan tohmahan atau dipanggil saksi berkepentingan. Oleh kerana itu ia tidak lagi menjadi *syahadah* tetapi *bayyinah* dan kerap kita lihat

hakim mengambil keputusan menolak keterangan mereka dan ada juga yang diterima. Pengesahan hibah dengan menggunakan dokumen adalah sangat kuat jika dibandingkan dengan lisan kerana ia bersifat kekal dan mudah dibuktikan, tapi keterangan lisan hanya bergantung kepada ingatan seseorang yang kadang-kadang gagal memberi keterangan yang tepat dan boleh dipercayai disebabkan kejadian yang berlaku terlalu lama. Oleh itu, dokumen amat penting digunakan untuk membuat hibah dan melaksanakannya. Selain, mahkamah juga banyak bergantung kepada kaedah *qarinah* dalam menentukan fakta-fakta disebabkan kebanyakan penghibah dan juga saksi yang telah meninggal dunia. Justeru, masyarakat harus dididik bagi memastikan pelaksanaan hibah ini berjalan menurut prosedur dan kerangka perundangan yang betul.

RUJUKAN

- Abdul Qadir Idris. 2010. *Al-Ithbat bilQara'in fi al-Fiqh al-Islami*. Amman:Dar al-Thaqafah.
- Ahmad Hidayat Buang, *Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Arbouna, Mohammed Burhan.1999. *Islamic Law of Evidence: The Function of Official Documents in Evidence*. Kuala Lumpur:Syarikat Nurulhas.
- Jurnal Hukum*. 2004. Jld 18, Bhg 1. Putrajaya:JKSM.
- Jurnal Hukum*. 2006. Jld 22, Bhg 2. Putrajaya:JKSM.
- Jurnal Hukum*. 2008. Jld 25, Bhg 1. Putrajaya:JKSM.
- Khin, Mustafa al-. Mustafa al-Bugho, Ali al-Sharbaji. 1987. *Al-Fiqh al-Manhaji*. Dimashq:Matba'ah al-Sabah.
- Mahmud Saedon Awang Othman. 1990. *Undang-undang Keterangan Islam*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayed Sikandar Shah Haneef.2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Terj. .Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Sharbini, Muhammad al-Khatib al-.1995. *Mughni al-Muhtaj*. Jil.2. Beirut:Dar al-Fikr.
- Siti Zalikhah Md Nor et al. 2006. *Al-Syariah*. Jilid 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. .
- Zaini Nasohah et al.2010. *Pendakwaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuhayli, Wahbah al-. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil.6. Dimashq:Dar al-Fikr.